



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***FUNGSI PENGETUA DALAM PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN
HUBUNGANNYA DENGAN PRESTASI KOKURIKULUM MURID DI
SEKOLAH MENENGAH***

AIDAH ABDULLAH

FPP 2017 41



**FUNGSI PENGETUA DALAM PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN
HUBUNGANNYA DENGAN PRESTASI KOKURIKULUM MURID DI
SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

AIDAH BINTI ABDULLAH

**Tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Julai 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

**FUNGSI PENGETUA DALAM PENGURUSAN KOKURIKULUM
DAN HUBUNGANNYA DENGAN PRESTASI KOKURIKULUM MURID DI
SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

AIDAH BINTI ABDULLAH

Julai 2017

Pengerusi : Soaib bin Asimiran, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pengetua sebagai pengurus kokurikulum berperanan memimpin organisasi sekolah untuk mencapai visi dan misi kokurikulum yang telah ditetapkan. Perancang, pengelola, pengawal dan pemimpin adalah fungsi asas pengurusan kokurikulum yang perlu dilaksanakan oleh pengetua. Kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi guru terhadap fungsi pengetua dalam pengurusan kokurikulum dan hubungannya dengan prestasi kokurikulum pelajar di sekolah menengah di negeri Selangor. Kajian kuantitatif berbentuk deskriptif korelasi ini dilakukan secara tinjauan menggunakan instrumen soal selidik melibatkan responden seramai 294 orang guru yang terdiri daripada penolong kanan kokurikulum, setiausaha kokurikulum, setiausaha sukan dan penyelarass persatuan dan kelab dari 49 buah sekolah dari 5 buah daerah di Selangor yang dipilih secara persampelan rawak berstrata mengikut nisbah. Daerah- daerah yang telah dipilih adalah daerah Petaling Utama, Klang, Sepang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor. Hasil dapatan kajian dianalisis secara kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan analisis korelasi Pearson menggunakan perisian SPSS versi 22.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetua di sekolah-sekolah menengah di lima daerah tersebut telah menjalankan fungsi sebagai perancang, pengelola, pengawal dan pemimpin dalam pengurusan kokurikulum secara keseluruhannya pada tahap tinggi iaitu perancang kokurikulum (min=4.04 dan sp=0.54), pengelola kokurikulum (min=4.02 dan sp= 0.52), pengawal kokurikulum (min=4.12 dan sp=0.46) dan pemimpin kokurikulum (min=3.98 dan sp=0.52). Manakala tahap prestasi kokurikulum murid dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada 2 aspek iaitu penglibatan

dari segi kehadiran murid ke aktiviti kokurikulum dan pencapaian kokurikulum murid. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan kokurikulum murid adalah di tahap tinggi (min=3.80 dan sp=0.67) dan tahap pencapaian kokurikulum murid adalah sederhana (min=3.56 dan sp=0.60). Kehadiran dan pencapaian murid dalam kelab sukan dan permainan adalah di tahap paling tinggi (min=3.98 dan sp=0.72) dan (min=3.63 dan sp=0.80) berbanding pencapaian pelajar dalam persatuan ko-akademik, kelab bukan akademik dan persatuan badan beruniform. Ini menunjukkan bidang sukan dan permainan merupakan bidang paling disukai oleh pelajar. Kajian ini juga melihat korelasi antara empat fungsi pengetua dalam pengurusan kokurikulum dengan prestasi kokurikulum pelajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat korelasi lemah yang positif antara fungsi pengetua sebagai perancang dengan prestasi kokurikulum murid ($r=0.27$, $p<0.05$) dan sebagai pemimpin dengan prestasi kokurikulum murid ($r=0.28$, $p<0.05$). Namun analisis data menunjukkan korelasi positif yang sangat lemah antara fungsi pengetua sebagai pengelola dengan prestasi murid dalam kokurikulum ($r=0.16$, $p<0.05$) dan di antara fungsi pengetua sebagai pengawal dengan prestasi kokurikulum murid ($r=0.18$, $p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa pengurusan kokurikulum oleh pengetua yang baik tidak memberi impak yang besar kepada penglibatan dan pencapaian murid dalam kokurikulum. Oleh itu, terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan prestasi kokurikulum murid yang boleh dibuat kajian pada masa akan datang. Selain itu, pengetua disaran agar terus mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pengurusan kokurikulum dengan mengikuti kursus kemahiran pentadbiran dan pengurusan pendidikan kokurikulum yang dianjurkan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) atau badan-badan kerajaan yang lain. Selain itu, pengetua boleh melaksanakan kursus kokurikulum secara dalaman dan berkala untuk guru-guru agar mereka mahir dan mempunyai ilmu untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum dengan lebih berkesan. Pengetua juga wajar memberikan penghargaan dalam bentuk kewangan dan sijil penghargaan kepada guru dan pelajar yang berjaya dalam bidang kokurikulum agar menjadi motivasi kepada mereka untuk terus aktif dalam bidang kokurikulum.

Abstract of this thesis presented to the Senate of Putra University Malaysia
in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Science.

**THE PRINCIPALS FUNCTIONS IN THE CO-CURRICULAR
MANAGEMENT AND THEIR RELATIONSHIP WITH THE STUDENTS' CO-
CURRICULAR PERFORMANCE IN THE SECONDARY SCHOOLS**

By

AIDAH BINTI ABDULLAH

July 2017

Chairman : Soaib bin Asimiran, PhD
Faculty : Educational Studies

Principal as the co-curricular manager is responsible to lead the school organization to achieve its co-curricular objectives and goals. Planning, organizing, controlling and leading are the basic functions of management that have to be performed by the principals. This research is carried out to survey and observe the teachers' perceptions towards the functions of the principals in the co-curricular management and their relationship with the students' co-curricular performance in secondary schools in the Selangor state. This research is a descriptive correlation research done through survey using the questionnaire which involved to 294 teachers as respondents and they are the senior assistant of co-curricular, co-curricular secretary, sports secretary, coordinator of societies and clubs from the 49 secondary schools from 5 districts in the Selangor state chosen using the proportionate stratified random sampling. The selected districts are Petaling Utama, Klang, Sepang, Kuala Selangor and Hulu Selangor. The data are analyzed according to the frequency, percentage, mean, standard deviation, Pearson correlation analysis using the SPSS software 22 version. The result of this research shows that the principals in these 5 districts of Selangor state have carried out their functions as managers in the school co-curricular management at a high level which are planning (mean=4.04 and sd=0.54), organizing (mean=4.02 and sd=0.52), controlling (mean=4.12 and sd=0.46) and leading (mean=3.98 and sd=0.52). In addition, this study is also focuses on the students' performance in co-curricular activities. The students' co-curricular performance is divided into 2 aspects which are the students' involvement and achievement in the co-curricular. The outcomes of this study show that the level of students' involvement in co-curricular is high (mean=3.80 and sd=0.67) and the level of students' achievement is average

(mean=3.56 and sd=0.60). The students' attendance in the games and sports club activities is the highest (mean=3.98 and sd=0.72) as well as the students' achievement which is also the highest in the sports and game clubs (mean=3.63 and sd=0.80) compares to other clubs and societies. It shows that students prefer sports than participating in academic clubs and uniformed bodies. Therefore, the school co-curricular management has to plan interesting and beneficial co-academic and uniformed programmes and activities in order to attract more participation from the students. This research also studies the correlation between the four managerial roles of the principals in co-curricular management with the students' performance in co-curricular activities. There is a significant relationship between the principals' role as a planner and leader with the students' performance in co-curricular activities. The result of the research shows there is a weak positive correlation between the principal's role as a planner with the students' performance in co-curricular ($r=0.27$, $p<0.05$) and principal's role as a leader with the students' co-curricular performance ($r=0.28$, $p<0.05$). However, the data analysis indicates that there is a very weak but positive correlation between the principal's role as an organizer with the students' performance ($r=0.16$, $p<0.05$) and the principal's role as a controller with the students' co-curricular performance ($r=0.18$, $p<0.05$). The results of this study indicate that the principals managed to carry out their functions in the co-curricular management successfully but do not contribute a great impact on the students' co-curricular performance. Hence, there are other factors that contribute to the increase of co-curricular performance among the students which is opened for future research. The principals are encouraged to upgrade their management skills and widen their co-curricular knowledge by attending leadership and managerial courses regarding co-curricular offered by Aminuddin Baki Institute or other government agencies. Besides that, the principals may carry out in-house trainings periodically for the teachers so that they are skillful and knowledgeable in carrying out the co-curricular activities more effectively. In addition, principals should award the teachers and students who excel in co-curricular with monetary incentive and certificate of appreciation so that they will be more motivated to continuously active in co-curricular.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim,

Syukur ke khadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya dan rahmatNya, telah membolehkan saya menjalankan kajian dengan tabah sehingga selesai. Segala rintangan dan dugaan sepanjang menyempurnakan kajian ini menjadikan saya semakin cekal dan lebih kuat serta berani menempuh segala dugaan yang mendatang. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada mereka yang telah banyak membantu saya sepanjang kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia utama kajian saya iaitu Dr. Soaib Asimiran atas segala tunjuk ajar, teguran, bimbingan dan cadangan yang membina sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Segala ilmu yang diberikan oleh Dr. tidak akan saya lupakan dan akan saya simpan hingga ke akhir hayat. Sekalung penghargaan yang tidak terhingga buat penyelia bersama iaitu Dr. Ramli Basri di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar serta cadangan untuk penambahbaikan kajian ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga buat Prof. Madya Dr. Aminuddin Hassan dan Dr. Suhaida Abdul Kadir di atas sumbangan mereka dalam menyiapkan kajian ini.

Buat teman-teman seperjuangan di Fakulti Pengajian Pendidikan, Laili, Shidah, Yusra, Shud, Sarah dan Aina, terima kasih kerana bersama-sama susah dan senang mengharungi perjalanan kehidupan sebagai pelajar di UPM. Terima kasih yang tidak terhingga untuk Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia atas peluang dan kepercayaan sepanjang tempoh kajian ini.

Tidak dilupai, sekalung penghargaan yang tidak terhingga buat insan yang disanjung dan dihormati En. Abu Hanipah bin Muhamad Amin kerana memberi peluang dan kebenaran kepada saya untuk menyambung pelajaran di peringkat sarjana. Jasa baik papa amat mama hargai dan akan dikenang sehingga ke akhir hayat. Buat anak-anak tersayang, Aina Sofea, Aiman Hariz, Aniesa Sarah dan Aliya Fathiin terima kasih di atas kesabaran, sokongan dan ketabahan kalian bersama mama menempuhi cabaran dan halangan sepanjang dua tahun saya menyiapkan kajian ini. Buat keluarga tersayang, Almarhum Ayahanda Hj. Abdullah Hj. Sulaiman dan Bonda tercinta Pn. Norfah Md. Yusoff serta adik-beradik, kasih sayang kalian memberi semangat buat saya merealisasikan impian yang telah lama dihayatkan ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 28 Julai 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Aidah binti Abdullah bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Fungsi Pengetua dalam Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya dengan Prestasi Kokurikulum Murid di Sekolah Menengah" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ab. Rahim bin Bakar, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Aminuddin bin Yusof, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Izham Mohd Hamzah, PhD

Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)




NOR AINI AB. SHUKOR, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 30 November 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Soaib Bin Asimiran, PhD
Timbalan Dekan Akademik
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ramli Bin Basri, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



ROBIAH BINTI YUNUS, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil saya yang asli
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012.
- tiada palagiat atau pemalsuan / fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrity ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesanan palagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Aidah binti Abdullah ,GS42566

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.2.1	Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Berkaitan Kokurikulum	1
1.2.2	Pelaksanaan Kokurikulum di Sekolah	4
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Soalan Kajian	11
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Batasan Kajian	12
1.8	Definisi Istilah dan Operasional	13
1.8.1	Pengurusan Kokurikulum	13
1.8.2	Fungsi Pengetua	13
1.8.3	Penglibatan Murid Dalam Bidang Kokurikulum	14
1.8.4	Pencapaian Murid Dalam Bidang Kokurikulum	14
1.9	Rumusan	15
2	Sorotan Literatur	16
2.1	Pendahuluan	16
2.2	Pengurusan Kokurikulum Sekolah	16
2.2.1	Definisi dan Konsep Fungsi Pengetua	16
2.2.2	Konsep Pengurusan	19
2.2.3	Definisi Dan Konsep Pengurusan Dalam Pendidikan	19
2.2.4	Konsep Pengurusan Kokurikulum di Sekolah	20
2.2.5	Pengetua sebagai Pengurus Kokurikulum di Sekolah	21
2.3	Teori dan Model Pengurusan	22
2.3.1	Teori Pengurusan Kokurikulum Bagi Kajian Ini.	24
2.3.2	Fungsi Pengurusan oleh Henri Fayol (1949).	24

2.3.2.1	Pengetua sebagai Perancang Kokurikulum	25
2.3.2.2	Pengetua sebagai Pengelola Kokurikulum	26
2.3.2.3	Pengetua sebagai Pemimpin Kokurikulum	27
2.3.2.4	Pengetua sebagai Pengawal Kokurikulum	28
2.3.3	Teori dan Kerangka Teori	29
2.3.3.1	Kerangka Teoritikal Kajian	29
2.3.3.2	Implikasi Fungsi Pengurusan Terhadap Kajian	31
2.3.3.3	Kerangka Konseptual Kajian	32
2.4	Prestasi Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum	33
2.4.1	Teori Penglibatan Astin (1984)	34
2.5	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Pengurusan Kokurikulum dan Prestasi Kokurikulum Murid.	37
2.5.1	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Pengurusan Kokurikulum	37
2.5.2	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Kepentingan Kokurikulum	42
2.5.3	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Hubungan Antara Pengurusan Kokurikulum dengan Prestasi Kokurikulum Murid	45
2.6	Rumusan	47
3	METODOLOGI	48
3.1	Pendahuluan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	48
3.3	Populasi Dan Persampelan Kajian	49
3.4	Pengumpulan Data Kajian	52
3.5	Instrumentasi	53
3.5.1	Bahagian A : Aspek Demografi Responden	53
3.5.2	Bahagian B : Fungsi Pengetua sebagai Pengurus Kokurikulum	53
3.5.3	Bahagian C: Prestasi Murid dalam Bidang Kokurikulum	54
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	56
3.7	Kajian Rintis	58
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.9	Pembersihan Dan Semakan Data	61
3.9.1	Ujian Normaliti Bagi Taburan Data	61
3.9.2	Ujian Normal Probability ('Normal Q-Q Plot')	62
3.9.3	Ujian Kehadiran Data Terpencil ('Outliers')	62
3.10	Analisis Data	63
3.10.1	Analisis Data Deskriptif	64
3.10.2	Analisis Statistik Korelasi	64
3.11	Rumusan	65

4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	66
4.1	Pendahuluan	66
4.2	Dapatan Kajian dan Perbincangan	66
4.2.1	Demografi	66
4.2.2	Perbincangan Hasil Kajian Bagi Demografi Responden	69
4.2.3	Fungsi Pengetua Dalam Pengurusan Kokurikulum	71
4.2.3.1	Fungsi Pengetua sebagai Perancang Dalam Pengurusan Kokurikulum	72
4.2.3.2	Fungsi Pengetua sebagai Pengelola dalam Pengurusan Kokurikulum	73
4.2.3.3	Fungsi Pengetua sebagai Pengawal dalam Pengurusan Kokurikulum	74
4.2.3.4	Fungsi Pengetua Sebagai Pemimpin dalam Pengurusan Kokurikulum.	75
4.2.3.5	Analisis Keseluruhan Tahap Fungsi Pengetua Dalam Pengurusan Kokurikulum	76
4.2.4	Perbincangan Hasil Dapatan Berkaitan Fungsi Pengetua Dalam Pengurusan Kokurikulum	76
4.2.5	Hasil Dapatan dan Perbincangan Prestasi Kokurikulum Murid	81
4.2.5.1	Tahap Penglibatan Murid dalam Bidang Kokurikulum	82
4.2.5.2	Perbincangan Dapatan Penglibatan Murid Dalam Bidang Kokurikulum	83
4.2.5.3	Tahap Pencapaian Murid dalam Bidang Kokurikulum	83
4.2.5.4	Perbincangan Dapatan Pencapaian Murid Dalam Bidang Kokurikulum	84
4.2.6	Korelasi Fungsi Pengetua dalam Pengurusan Kokurikulum dengan Prestasi Kokurikulum Murid	85
4.2.6.1	Perbincangan Dapatan Korelasi Antara Fungsi Pengetua Sebagai Pengurus Kokurikulum Dengan Prestasi Kokurikulum Murid.	86
4.3	Rumusan	88
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	89
5.1	Pendahuluan	89
5.2	Rumusan Hasil Dapatan Kajian	89
5.3	Implikasi dan Cadangan Kajian	92
5.3.1	Implikasi Kajian Terhadap Teori	92
5.3.2	Implikasi Kajian Terhadap Dasar Pendidikan	92
5.3.3	Implikasi Kajian Terhadap Pengetua Sekolah	93
5.3.4	Implikasi Kajian Terhadap Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah	95
5.4	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	95

5.5 Penutup

96

BIBLIOGRAFI

97

LAMPIRAN

112

BIODATA PELAJAR

172



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan Sekolah Menengah Di Lima Daerah Di Negeri Selangor	50
3.2 Pembahagian Item Fungsi Pengetua sebagai Pengurus Kokurikulum di Sekolah Menenga	54
3.3 Pembahagian Item Dalam Prestasi Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum	55
3.4 Kebolehpercayaan Pembolehkan Item Soal Selidik Guru dalam Kajian Rintis	57
3.5 Tahap Fungsi Pengetua dalam Pengurusan Kokurikulum berdasarkan Kajian Rintis yang telah dijalankan	59
3.6 Tahap prestasi murid dalam bidang kokurikulum berdasarkan kajian rintis yang dijalankan	59
3.7 Pengedaran dan Pengumpulan Data Soal Selidik Kajian	60
3.8 Nilai Skewness dan Kurtosis Bagi Pembolehkan Bebas dalam Kajian ini	61
3.9 Tafsiran Indeks Korelasi Momen Pearson	65
3.10 Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	65
4.1 Taburan Kekerapan Demografi Responden	67
4.2 Pengetua sebagai Perancang dalam Pengurusan Kokurikulum	72
4.3 Analisis Responden Bagi Taburan Tahap Fungsi Pengetua sebagai Pengelola dalam Pengurusan Kokurikulum	73
4.4 Analisis Responden Bagi Taburan Kekerapan Tahap Fungsi Pengetua Sebagai Pengawal Dalam Pengurusan Kokurikulum	74
4.5 Analisis Responden Bagi Taburan Kekerapan Fungsi Pengetua Sebagai Pemimpin dalam Pengurusan Kokurikulum	75

4.6	Tahap Bagi 4 Fungsi Pengetua dalam Pengurusan Kokurikulum	76
4.7	Pecahan Tahap Penglibatan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum	82
4.8	Pecahan Tahap Pencapaian Murid dalam Aktiviti Kokurikulum	84
4.9	Korelasi Antara Fungsi Pengetua Dalam Pengurusan Kokurikulum Dengan Prestasi Kokurikulum Murid	85



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Jawatankuasa Pengurusan Kokurikulum Sekolah. Sumber: Bahagian Sekolah, KPM (2009)	4
1.2	Jenis-Jenis Persatuan Dan Kelab Kokurikulum Yang Ditawarkan di Sekolah Menengah di Malaysia. Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (1998)	5
2.1	Fungsi Pengurusan Fayol (1949). Sumber: Fungsi Pengurusan Fayol (1949)	24
2.2	Kerangka Teoritikal Kajian	30
2.3	Kerangka Konseptual Kajian	33
2.4	Teori Penglibatan Astin (1984). Sumber: Teori Penglibatan Astin (1984)	34

SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package of Social Sciences</i>
PAJSK	Penilaian Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
TOK	Teori Pengurusan Klasik

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan latar belakang kajian mengenai fungsi pengetua dalam pengurusan kokurikulum dan hubungannya dengan prestasi murid dalam aktiviti kokurikulum. Ini adalah kerana pengetua merupakan pentadbir tertinggi yang menguruskan semua aktiviti dan urusan akademik dan kokurikulum di sekolah. Selain itu, pengetua juga membuat keputusan dalam hampir semua perkara di sekolah. Ini beerti, pengetua perlu mahir dalam pengurusan sekolah agar dapat mengurus dan mentadbir sekolah dengan efisien dan mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Memandangkan aktiviti kokurikulum merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia, semua murid di sekolah menengah wajib melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang merangkumi persatuan dan kelab ko-akademik atau bukan akademik persatuan badan beruniform dan kelab sukan permainan. Selain itu, pengkaji akan menyenaraikan objektif kajian dan persoalan kajian, kepentingan hasil kajian kepada pihak tertentu, batasan kajian dan definisi operasional.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Berkaitan Kokurikulum

Pendidikan di Malaysia sentiasa mengalami perubahan untuk memperbaiki standard pendidikan Malaysia ke arah pendidikan bertaraf dunia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 jelas menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat peka dengan pencapaian kokurikulum murid yang mana masih belum setanding dengan murid-murid dari luar negeri. Dalam usaha memperbaiki pencapaian murid sama ada akademik mahupun kokurikulum, pengetua memainkan peranan yang amat penting kerana mereka adalah individu yang mengetuai pelaksanaan dasar-dasar pendidikan di sekolah. Tugas mengurus sekolah pada masa ini adalah sangat mencabar kerana pengetua bukan sahaja perlu melaksanakan dasar-dasar pendidikan bahkan perlu memastikan pencapaian sekolah menepati tahap yang ditetapkan oleh KPM.

Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI) yang diperkenalkan oleh KPM memerlukan pengetua menjadi pemimpin dan pentadbir yang bukan sahaja serba boleh dan berilmu malah

mereka perlu mempunyai kebolehan mengurus dengan baik. Bahagian Penaziran KPM pada tahun 2010 telah merumuskan bahawa pengetua memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kecemerlangan sekolah. Dalam aspek kokurikulum, Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum (2009) telah menggariskan fungsi yang perlu dimainkan oleh pengetua selaku pengurus di sekolah iaitu mereka perlu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Aktiviti kokurikulum merupakan salah satu komponen penting dalam sistem pendidikan dan dilaksanakan di luar bilik darjah. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menerangkan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) dan pembentukan nilai-nilai estetika serta sosial yang positif dalam individu seseorang murid (KPM, 2008). Gerakerja Kokurikulum ini menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (1989) adalah gerakerja bercorak pendidikan dan menyediakan pengalaman-pengalaman pembelajaran kepada murid. Aktiviti kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah dan setiap murid wajib menyertainya (KPM, 2008).


Program kokurikulum peringkat sekolah dimantapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menekankan tentang Lima Aspirasi dalam sistem Pendidikan Malaysia iaitu aspirasi pertama adalah akses di mana pendidikan untuk semua murid dari prasekolah hingga ke menengah atas, aspirasi kedua berkaitan kualiti iaitu negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa dalam tempoh 15 tahun. Manakala aspirasi ketiga adalah ekuiti di mana 50% jurang pencapaian bandar dan luar bandar, aspirasi keempat pula berkenaan perpaduan iaitu sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dan aspirasi kelima iaitu kecekapan sistem yang memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan sedia ada. Aspirasi keempat dan kelima mempunyai kaitan dengan kokurikulum kerana aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah membolehkan murid berkongsi pengalaman dan nilai. Murid belajar berinteraksi dengan lebih baik semasa mengikuti aktiviti kokurikulum. Manakala kecekapan sistem pengurusan kokurikulum sekolah dapat memastikan kemenjadian murid dalam kokurikulum menggunakan peruntukan kewangan iaitu Bantuan Tambahan Sekolah (BTP) dan Bantuan Kokurikulum ke Sekolah (BKK) yang telah diberikan oleh KPM. Aspirasi kelima ini selaras dengan anjakan ke sepuluh dalam Sebelas Anjakan dalam Transformasi Sistem PPPM iaitu memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit. Ini bererti, sistem pendidikan Malaysia mahu melihat kemenjadian murid dalam bidang kokurikulum. Selain itu, dalam PPPM juga dinyatakan enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk bersaing di peringkat global dan tiga daripada ciri tersebut iaitu kemahiran memimpin, etika dan kerohanian dan

identiti nasional yang diterapkan semasa murid menjalankan aktiviti kokurikulum.

Aktiviti kokurikulum didapati dapat membina minat dan mengasah bakat murid dalam aktiviti yang diceburi (Ab. Alim, 2004) dan memberi peluang kepada murid untuk mempraktikkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai murni yang dipelajari dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah. Kajian oleh Melati dan Hairul Nurasyikin (2013) mendapati murid yang aktif dalam kokurikulum juga cemerlang dalam akademik berbanding dengan murid yang kurang aktif dalam kokurikulum.

Aktiviti kokurikulum juga dapat mewujudkan budaya sekolah yang menarik dan menjadikan sesebuah sekolah berwatak (Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum, 2009). Aktiviti kokurikulum mempunyai peranan yang sama penting dengan kurikulum sebagaimana yang ditekankan oleh KPM yang mewajibkan murid menyertai aktiviti kokurikulum. Oleh itu, pengetua perlu memainkan peranan yang aktif dalam meningkatkan penglibatan dan pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum. Data yang dikeluarkan oleh KPM menunjukkan bahawa penglibatan murid dalam kokurikulum pada tahun 2014 adalah dibawah 80% bagi negeri Selangor dan Perak. Ini menunjukkan peratus penglibatan murid dalam kokurikulum masih belum memberangsangkan sedangkan kokurikulum merupakan sebahagian dari kurikulum. Komitmen pengetua merupakan penggerak utama dalam memastikan penglibatan dan pencapaian kokurikulum sekolah meningkat. Perkara ini adalah selaras dengan SPI Bil 1/85 yang menekankan bahawa pengetua memainkan peranan utama dalam pengurusan kegiatan ini di sekolah. Selain itu, pengetua juga bertanggungjawab untuk memberi kesedaran dan keyakinan kepada semua warga sekolah tentang dasar-dasar kerajaan terhadap kokurikulum serta mengubah persepsi mereka bahawa kegiatan ini hanya sampingan dan dilaksanakan seadanya. (Noor Habibah, 2016).

KPM telah mewajibkan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kokurikulum Sekolah dan pengetua selaku pengerusi dalam jawatankuasa tersebut seperti rajah 1.1 berikut:



Rajah 1.1 : Jawatankuasa Pengurusan Kokurikulum Sekolah.

Sumber: Bahagian Sekolah, KPM (2009)


Penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk memantau, menilai dan menyelesaikan masalah berkaitan kokurikulum yang timbul dan pengetua selaku pengerusi jawatankuasa ini berperanan untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada semua guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum selain daripada memastikan penglibatan guru dan pelajar dalam kokurikulum pada tahap maksimum. Selain itu, pengelolaan aktiviti kokurikulum secara teratur dan sistematik akan membawa keberkesanan kegiatan ini kepada pelajar selain dan seterusnya memenuhi aspirasi juga matlamat pendidikan negara dan secara tidak langsung akan mendorong minat murid menyertai aktiviti kokurikulum (Noor Habibah, 2016).

1.2.2 Pelaksanaan Kokurikulum di Sekolah

Aktiviti kokurikulum di sekolah merangkumi persatuan ko-akademik dan bukan akademik, persatuan badan beruniform dan kelab sukan permainan dan masa yang diperuntukkan adalah 180 minit seminggu untuk aktiviti kokurikulum di sekolah menengah sebagaimana yang telah termaktub dalam Kurikulum Baharu Sekolah Menengah (KBSM) 1989. Pelajar wajib menyertai ketiga-tiga bentuk aktiviti kokurikulum yang ditawarkan di sekolah mengikut minat pelajar. Oleh itu, pihak pentadbiran sekolah perlu membuat penelitian sebelum menubuhkan sesebuah kelab atau persatuan agar penyertaan pelajar adalah maksimum dan memberi manfaat kepada mereka.

Pengetua selaku pentadbir tertinggi dalam pengurusan kokurikulum mempunyai kuasa mutlak untuk memberi kebenaran kepada penubuhan persatuan atau kelab berdasarkan kepada Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 yang diterbitkan sebagai PU(A) 196/98 yang diterbitkan sebagai Warta Kerajaan Jil. 42/No. 11 (Tambahan No. 41) bertarikh 21hb. Mei 1998 yang menyatakan kegiatan kokurikulum

di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan adalah meliputi kegiatan persatuan yang ditubuhkan di sekolah daripada kategori berikut:



Rajah 1.2 : Jenis-Jenis Persatuan Dan Kelab Kokurikulum Yang Ditawarkan di Sekolah Menengah di Malaysia.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (1998)

Antara persatuan dan kelab yang kokurikulum yang ditawarkan di sekolah-sekolah menengah adalah seperti lampiran 1. Selain daripada itu, penglibatan dan pencapaian murid dalam kajian ini juga meliputi penyertaan mereka dalam pertandingan sukan dan kokurikulum peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Dasar pelaksanaan kokurikulum menurut Peraturan 2 dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan 1997) adalah "apa-apa kegiatan yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah (kurikulum) yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah". Setiap kegiatan kokurikulum yang akan dirancang mestilah mempunyai matlamat, objektif, kaedah pelaksanaan dan kurikulum kegiatan serta skema penilaian yang pragmatis dan progresif. Selain itu, kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan hendaklah mengandungi elemen-elemen pengetahuan, pengalaman dan kemahiran baharu serta nilai-nilai murni yang dapat membangunkan intelek, jasmani, emosi dan rohani murid secara seimbang (Dasar Utama (4) Kurikulum Kebangsaan 1997). Berdasarkan Warta Kerajaan bertarikh 31 Disember 1997, Jld 41, No. 26, Tambahan No. 94, Perundangan A.P.U. (A), Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan (Kokurikulum Kebangsaan) menetapkan bahawa kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan mesti mengandungi penyertaan dalam sukan dan permainan,

penyertaan dalam persatuan dan kelab dan penyertaan dalam pasukan pakaian seragam serta lain-lain kegiatan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Pendidikan Malaysia. Laporan Jawatankuasa Kabinet (1997) turut memperakukan bahawa :

Kegiatan kokurikulum adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan ataupun 'Espirit De Corps' di antara murid pelbagaiketurunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Ia bertujuan melatih murid-murid supaya bersikap bertanggungjawab. Kegiatan ini juga melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai.

Penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum dapat menyemai sikap bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari dan kecekalan dalam kalangan pelajar (Mohanaraju, 2012). Ini selaras dengan matlamat penubuhan persatuan dan kelab untuk menggalakkan murid-murid berinteraksi dengan pelajar lain selain daripada memberikan peluang kepada pelajar untuk berkhidmat kepada masyarakat dan mengasah bakat dan kemahiran dalam sesuatu bidang. Kokurikulum juga menekankan kemahiran generik seperti kemahiran menyelesaikan masalah, berkomunikasi, berfikiran kreatif dan kritis serta berkerja dalam pasukan.

Prestasi kokurikulum murid kajian ini diukur berdasarkan penglibatan dan pencapaian mereka dalam aktiviti kokurikulum. Penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dapat membawa perubahan kepada tingkah laku yang positif dan banyak mempengaruhi sahsiah mereka (Mohd Fazli, 2013). Menurut Pascarella & Terenzini (2005), penglibatan pelajar dalam kokurikulum juga mempunyai kesan positif ke atas kegigihan dan pencapaian pendidikan. Ini selaras dengan kajian oleh Saifuddin (2006) yang mendapati kokurikulum merupakan pelengkap kepada akademik dan sebahagian cara hidup. Aktiviti kokurikulum adalah jelas boleh menambah pengalaman penting dan kemahiran kepada pelajar (Reaves, Hinson & Marchant, 2010).

Penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum juga memberi kesempatan kepada mereka untuk mengalami pengalaman bersukan dan berpersatuan yang akan menolong mereka menikmati kehidupan bermakna (Fadzilawati & Mohd Sofian, 2003). Murid yang aktif dalam aktiviti kokurikulum boleh dijadikan salah satu alat yang mengukur keberkesanan sesebuah sekolah. Aktiviti kokurikulum adalah wajib dan perlu direkodkan berdasarkan kepada Perkara 8.2.1 SPI Bil. 1/1985 Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah (JBPS) dan Perkara 2.1 SPI Bil. 1/1986, KP(BS)859/Jld. 11/(41) bertarikh 15 Januari 1986 yang telah memperakukan:

Penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum adalah wajib. Sehubungan itu kehadiran murid dalam aktiviti kokurikulum mestilah direkodkan.

SPI Bil 1/1986 ini jelas menunjukkan bahawa KPM amat mementingkan aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah menengah dan mewajibkan murid untuk menyertainya. Perekodan kehadiran murid ke aktiviti kokurikulum adalah bukti penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Sekiranya murid tersebut telah mendaftarkan diri untuk menyertai sesebuah persatuan namun gagal menghadirkan diri ke perjumpaan persatuan tersebut, maka murid tersebut boleh dikenakan tindakan disiplin jika disabitkan bersalah sama seperti kes disiplin lain seperti ponteng kelas. Maka, pihak sekolah perlu memasukkan kesalahan ketidakhadiran murid ke aktiviti kokurikulum dalam buku undang-undang dan peraturan sekolah agar diketahui oleh ibubapa dan murid (Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum, 2009).

Bagi meningkatkan penglibatan murid dalam kokurikulum, KPM telah memperkenalkan sistem Penilaian Markah 10% Kokurikulum pada tahun 2007 di mana penglibatan pelajar dalam persatuan dan kelab diberi markah dari aspek kehadiran (50%), pencapaian (20%), penyertaan (20%) dan jawatan dalam persatuan (10%). Markah bonus maksimum 10% diberikan bagi pelajar yang telah memberi sumbangan perkhidmatan seperti menjadi Ketua Pelajar atau mendapat anugerah khas seperti Anugerah Remaja Perdana. Bagi memastikan murid sentiasa aktif dalam aktiviti kokurikulum, maka seorang murid itu akan dinilai pada setiap tahun bermula dari tingkatan 1 sehingga tingkatan 5.

Keputusan penilaian ini dikira dalam bentuk prestasi semasa atau *Grade Point Average (GPA)* dan prestasi tahunan murid akan dikira puratanya sepanjang tempoh persekolahan atau *Cumulative Grade Point Average (CGPA)*. Pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum diukur berdasarkan markah yang dikumpul oleh mereka dalam aktiviti kokurikulum. Pengenalan sistem permarkahan Penilaian 10% Kokurikulum oleh KPM pada 2007 jelas menunjukkan komitmen KPM untuk menaik taraf bidang kokurikulum. Penilaian 10% Kokurikulum memerlukan murid aktif dalam sekurang-kurangnya 2 daripada 3 bidang kelab dan persatuan kokurikulum yang ditawarkan.

Markah kokurikulum ini digunakan oleh KPM untuk memilih murid ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Markah kokurikulum ini juga turut digunakan oleh majikan dalam sector awam dan swasta dalam pemilihan pekerja mereka. Ini adalah kerana murid yang aktif dalam aktiviti kokurikulum didapati mempunyai pengaruh yang positif terhadap sekolah dan psikologi pelajar serta perkembangan positif terhadap kemenjadian murid (Fujita, 2006) juga peningkatan sahsiah mereka (Ruhaiza, 2007).

Kesinambungan Markah 10% Kokurikulum adalah pengenalan Penilaian Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) pada tahun 2012 bagi pelajar tingkatan 1 berdasarkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Pengiraan markah bagi PAJSK tidak banyak berbeza dengan Penilaian 10% Markah Kokurikulum kerana aktiviti kokurikulum dinilai daripada 2 daripada 3 persatuan/kelab dengan markah terbaik. Perbezaan antara Penilaian 10% Markah kokurikulum dengan PAJSK adalah pengenalan istilah “ekstra kurikulum” di mana pelajar diberi markah bonus bagi jawatan khas seperti ‘Ketua Pelajar” atau “Tokoh Nilam”. Walaubagaimanapun konsep dan pengiraan PAJSK dan Penilaian 10% Markah Kokurikulum adalah sama kerana markah pelajar bagi PAJSK juga akan dikumpul dan dikira purata setiap tahun bermula daripada mereka di tingkatan 1 sehingga mereka di tingkatan 5. Kumpulan pertama pelajar yang menggunakan pengiraan markah kokurikulum menggunakan sistem PAJSK adalah pelajar di tingkatan 5 pada tahun 2016.

Penilaian 10% Markah Kokurikulum dan PAJSK merupakan inisiatif KPM ke arah membitarakan kokurikulum kerana pelajar perlu aktif setiap tahun bermula dari tingkatan 1 bagi memastikan mereka mendapat markah purata yang cemerlang di tingkatan 5. Oleh itu, guru-guru wajib mengurus, menyelia dan mengelola kegiatan kokurikulum di sekolah. Penyertaan semua guru adalah dikehendakki bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerakerja kokurikulum di sekolah sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 5.2 SPI Bil. 1/1985. Selain itu, tugas dan tanggungjawab guru dalam bidang kokurikulum mestilah diberikan secara bertulis, spesifik, terperinci dan kuantitatif sebagaimana yang dilakukan dalam bidang kurikulum. Maka, adalah menjadi kesalahan sekiranya guru enggan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan dalam pengurusan kokurikulum dan boleh dikenakan tindakan disiplin mengikut Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan tatatertib) (Bab D). Oleh itu, pengetua perlu memainkan peranan yang berkesan dalam pengurusan kokurikulum di sekolah dan memastikan guru-guru menjalankan amanah sebagai guru penasihat persatuan dan kelab kokurikulum dengan dedikasi. Selain itu, sekolah hendaklah memberikan penghargaan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar atau orang perseorangan di atas penyertaan, penglibatan dan pencapaian masing-masing dalam bidang kokurikulum. Penghargaan tidak hanya terbatas kepada kejayaan kemenangan semata-mata, tetapi hendaklah diberi kepada murid-murid yang mempunyai sifat disiplin yang baik (Subperkara 8.2.4 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985). Ini bermakna murid yang membantu guru semasa aktiviti kokurikulum juga wajar diberi penghargaan. Pengetua selaku pengurus kokurikulum perlu bijak menguruskan guru dan murid agar mereka mempunyai motivasi yang tinggi untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah selari dengan dasar KPM. Meskipun KPM telah mengeluarkan banyak SPI yang berkaitan kokurikulum, adakah pencapaian kokurikulum di negara ini telah mencapai

matlamatnya? Pihak sekolah perlu menjalankan aktiviti kokurikulum dengan bersungguh-sungguh sebagaimana aktiviti kurikulum. Abu Bakar (2007) menyimpulkan peranan guru penasihat kokurikulum merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum. Mohd Fuad (2008) mendapati pembabitan guru yang kurang memuaskan dalam kokurikulum berpunca daripada sikap guru itu sendiri. Selain itu, kajian Mahamad Amran (2014) telah mendapati faktor utama yang menyebabkan ramai guru gagal menjalankan tanggungjawab dalam kokurikulum adalah kerana mereka tidak cukup kompeten dan tiada kemahiran dalam unit yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Oleh itu, pengetua selaku pengurus kokurikulum perlu memastikan guru yang sesuai dan kompeten untuk menguruskan sesebuah persatuan atau kelab agar mereka memberikan komitmen yang tinggi dalam menguruskan aktiviti kokurikulum dan memastikan penglibatan menyeluruh murid dalam aktiviti kokurikulum (Mohanaraju, 2012).

1.3 Pernyataan Masalah

Laporan Bahagian Penaziran (2010) mendapati pelaksanaan kokurikulum kurang mendapat sokongan daripada guru dan murid berpunca daripada kelemahan pengetua menguruskan sumber manusia di sekolah. Kajian oleh Mohd Izham & Norziana (2015) pula menunjukkan pengetua kurang menumpukan kepada pencapaian kokurikulum dan menyerahkan pengurusan kokurikulum kepada penolong kanan kokurikulum manakala kajian oleh Nor Hisham (2012) turut mendapati pihak pentadbir kokurikulum sekolah tidak peka dengan situasi kokurikulum sekolah.

Kajian juga mendapati pengetua kurang membuat penambahbaikan dan penilaian impak ke atas aktiviti kokurikulum yang telah dijalankan di sekolah (Mahamad Amran, 2014). Maka, kurangnya minat pengetua untuk meningkatkan pencapaian kokurikulum sekolah merupakan antara faktor penyebab kokurikulum kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar. Hasil dapatan tinjauan Bahagian Kesenian dan Kokurikulum (BKK) KPM tahun 2011 turut mendapati kegiatan kokurikulum tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya oleh pentadbiran sekolah menyebabkan murid tidak berminat menyertai aktiviti kokurikulum yang dijalankan.

Menurut Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 1/1985 dengan jelas menyatakan bahawa "Matlamat gerak kerja kokurikulum yang dikehendaki ialah penyertaan oleh setiap murid yang belajar di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan". Namun, data yang dikeluarkan oleh KPM pada tahun 2015 mendapati tahap penglibatan murid di sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor yang merupakan negeri yang terlibat dalam kajian ini mencatat penglibatan murid antara yang terendah iaitu 77.2% (KPM, 2016).

Kajian oleh Blomfield & Barber (2010) menunjukkan bahawa penyertaan murid dalam kokurikulum telah memberi kesan positif terhadap prestasi akademik murid. Aktiviti kokurikulum juga telah dapat membantu perkembangan murid dari aspek sahsiah, rohani dan mental murid (Tan, 2010). Oleh itu, pengetua selaku peneraju dalam pengurusan kokurikulum harus memberi perhatian yang serius bagi memastikan prestasi murid cemerlang dalam kokurikulum.

Banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan hubungan antara pengurusan dengan pelaksanaan kokurikulum, seperti kajian oleh Anuar & Nor Azah (2011) mendapati pengetua perlu memainkan peranan sebagai pengurus kokurikulum dengan baik dan berkesan kerana ia mempengaruhi pelaksanaan dan pencapaian aktiviti kokurikulum murid. Selain itu, ketidakcekapan pengurusan kokurikulum telah menyebabkan guru-guru melaksanakan aktiviti kokurikulum sambil lewa (Iskandar, 2014) dan memberi kesan negatif terhadap pelaksanaan kokurikulum di sekolah (.Mohd Hisham, 2012). Nor Suhara (2011) dalam kajian beliau mendapati terdapat hubungan positif antara peranan pengetua dalam pengurusan kokurikulum dengan kecemerlangan kokurikulum sekolah. Kesemua kajian tersebut mendapati pengetua memainkan peranan penting dalam memastikan peningkatan penglibatan dan pencapaian murid dalam kokurikulum.

Meskipun kajian berkaitan pengurusan kokurikulum telah dibuat di pelbagai lokasi seperti daerah Klang oleh Fadzli (2013), di daerah Kinta (Chuah, 2015) dan Zon Keramat (Mohd Izham & Norziana, 2015) namun belum ada kajian yang melihat hubungan antara fungsi pengetua sebagai pengurus kokurikulum dengan prestasi kokurikulum murid di mana prestasi merujuk kepada aspek penglibatan dan pencapaian dalam bidang kokurikulum. Oleh itu, kajian ini lebih komprehensif kerana responden adalah dari sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor dan bukan hanya melibatkan zon atau daerah .

Persoalan yang perlu dikaji adalah sejauh mana prestasi murid dalam aktiviti kokurikulum? Apakah tahap fungsi pengetua dalam pengurusan kokurikulum di sekolah dan adakah terdapat hubungan antara amalan pengurusan pengetua dalam bidang kokurikulum dengan prestasi kokurikulum murid.

1.4 Objektif Kajian

Objektif-objektif khusus dalam kajian ini adalah seperti berikut :

1. Untuk menentukan tahap fungsi pengetua dalam pengurusan kokurikulum sekolah.
2. Untuk menentukan tahap penglibatan kokurikulum murid.

3. Untuk menentukan tahap pencapaian kokurikulum murid.
4. Untuk menentukan hubungan antara fungsi pengetua dalam pengurusan kokurikulum dengan prestasi kokurikulum murid.

1.5 Soalan Kajian

Persoalan kajian dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut :

1. Apakah tahap fungsi yang dimainkan oleh pengetua selaku pengurus kokurikulum di sekolah?
2. Apakah tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah?
3. Apakah tahap pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah?
4. Adakah terdapat hubungan antara fungsi pengetua dalam pengurusan kokurikulum dengan prestasi murid dalam aktiviti kokurikulum?

Berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian 4, suatu hipotesis kajian yang dibuat adalah terdapat hubungan antara fungsi pengetua dalam pengurusan kokurikulum dengan prestasi kokurikulum murid. Aras signifikan yang digunakan untuk menguji hipotesis soalan 4 ialah pada aras keyakinan $p < .05$.

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan dari kajian ini dapat menyumbang kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merealisasikan pelaksanaan dasar kokurikulum yang berkualiti dan mencapai tahap yang telah ditetapkan oleh KPM. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu KPM untuk merancang dan melaksanakan program bagi memberi pendedahan kepada pengetua agar memainkan peranan yang lebih efektif dalam menguruskan aktiviti kokurikulum di sekolah selaras dengan anjakan kelima daripada Sebelas Anjakan Transformasi Sistem dalam PPPM 2013-2025 iaitu memastikan kepimpinan berprestasi tinggi di sekolah.

Selain itu, hasil dapatan ini akan dapat membantu pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD) untuk merancang program latihan pengurusan kokurikulum untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam bidang kokurikulum. Hasil dapatan kajian ini juga dapat membantu KPM untuk menilai semula cara pengiraan markah penilaian kokurikulum agar lebih ramai pelajar mencapai gred A dan seterusnya menggalakkan murid terus aktif dalam

kokurikulum dan memaksimumkan keberhasilan murid (Anjakan kesepuluh) dalam Sebelas Anjakan Transformasi Sistem.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pengetua untuk merancang dan menguruskan aktiviti kokurikulum di sekolah dengan lebih efektif dan efisien agar tahap prestasi murid dalam bidang kokurikulum dapat dipertingkatkan. Penolong kanan kokurikulum dapat menggunakan hasil dapatan ini untuk membantu pengetua menguruskan aktiviti kokurikulum dengan lebih cemerlang di sekolah. Selain itu, hasil kajian ini dapat menyumbang kepada ilmu sedia ada pengetua terhadap pengurusan kokurikulum berdasarkan teori pengurusan yang diguna pakai dalam kajian ini agar pengurusan kokurikulum sekolah lebih mantap dan berkualiti. Hasil dapatan ini juga diharap akan dapat membantu pengkaji-pengkaji lain yang memilih bidang kokurikulum sebagai bidang tumpuan untuk kajian akan datang.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian ini dilihat dari segi lokasi dan populasi kajian di mana hanya 49 buah sekolah dari 272 buah sekolah menengah di negeri Selangor. Selain itu, populasi kajian juga terbatas kepada guru penolong kanan kokurikulum, setiausaha kokurikulum, setiausaha sukan dan penyelararas persatuan dan kelab sahaja. Oleh itu, dapatan kajian yang diperolehi agak terbatas kerana tidak melibatkan guru-guru penasihat persatuan dan kelab kokurikulum yang lain.

Terdapat pelbagai faktor lain yang mungkin turut mempengaruhi penglibatan dan pencapaian dan antaranya adalah faktor dalaman seperti sikap pelajar, masalah keluarga, kemampuan dan kemahiran diri turut menyumbang kepada pencapaian kokurikulum yang rendah dalam kalangan murid. Faktor luaran seperti pengaruh kawan dan matlamat untuk cemerlang dalam peperiksaan mungkin menyebabkan murid lebih berminat bermain permainan komputer di kafe siber atau menghadiri kelas tuisyen daripada menghadiri aktiviti kokurikulum selepas waktu sekolah.

Selain itu, pengkaji hanya melihat pencapaian kokurikulum sekolah pada tahun semasa sahaja dan bukan mengambilkira pencapaian kokurikulum sekolah tersebut bagi beberapa tahun kerana pentadbiran pengetua mungkin akan berubah dalam jangkamasa satu hingga tiga tahun. Jadi, sukar untuk menentukan samada pengetua telah memainkan fungsi sebagai pengurus kokurikulum yang berkesan atau tidak hanya berdasarkan kepada pencapaian kokurikulum sekolah pada tahun semasa.

1.8 Definisi Istilah dan Operasional

Perbincangan dalam kajian ini menggunakan definisi istilah bagi memberi penjelasan yang lebih khusus kepada istilah yang digunakan dan mendokong tujuan sesuatu penyelidikan (Mohd. Majid, 2000). Oleh itu, semua istilah yang digunakan merujuk kepada perkara yang spesifik dan berkaitan secara langsung dalam kajian. Manakala, definisi operasional pula merujuk kepada maklumat ilmiah lain yang sangat berguna bagi membantu pengkaji lain untuk menjalankan kajian dengan menggunakan pemboleh ubah yang sama (Jaggil, 2010). Definisi operasional juga membantu penyelidik untuk membuat hubungkait antara teori dan fenomena yang hendak diperhatikan (Ary, Jacobs & Razavieh, 2002).

1.8.1 Pengurusan Kokurikulum

Pengurusan Kokurikulum adalah meliputi pentadbiran dan pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Pentadbiran kokurikulum adalah berkaitan dengan cara pengendalian kokurikulum di mana perancangan aktiviti kokurikulum dibuat dan penyimpanan rekod markah kokurikulum dilaksanakan dengan cara sistematik. Dalam kajian ini, fungsi pengetua dalam pengurusan kokurikulum merujuk kepada tahap pengetua dapat melaksanakan fungsi mereka selaku pengurus melalui empat fungsi utama iaitu merancang, mengelola, mengawal dan memimpikan. Fungsi Pengurusan oleh Fayol (1949). Ia diukur menggunakan soal selidik berdasarkan kajian lepas oleh Mohd Izham & Norziana (2015) yang mengkaji empat fungsi pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpikan dan mengawal.

1.8.2 Fungsi Pengetua

Pengetua merupakan ketua dan pengurus di sekolah yang membuat semua keputusan berkaitan kokurikulum (Olaleye, 2013). Pengetua juga perlu memantau aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan agar ianya mencapai standard yang dikehendak oleh pihak sekolah dan KPM. Menurut Olibie (2012), pengetua seharusnya memperbaiki dan meningkatkan perancangan sekolah dari aspek pengurusan, pengawalan dan pengorganisasian program kurikulum dan kokurikulum.

Pemantauan pengetua perlu kerana guru-guru akan lebih peka apabila pengetua turut memainkan peranan aktif dalam pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Pengetua juga perlu menilai aktiviti kokurikulum untuk melihat sejauh mana keberkesanan pelaksanaan aktiviti kokurikulum tersebut (Township School, 2002). Aktiviti-aktiviti kokurikulum yang kurang memberi impak kepada murid perlu dikaji untuk meningkatkan kualiti kokurikulum di sekolah.

1.8.3 Penglibatan Murid Dalam Bidang Kokurikulum

Penglibatan kokurikulum adalah penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum yang dirancang oleh yang melibatkan interaksi fizikal dan psikologi (Mohanraju, 2012). Penglibatan murid mestilah secara sukarela dan konsisten (Kahne, et. al., 2001) dan berdasarkan minat supaya mereka berusaha bersungguh-sungguh, memberi tumpuan dan menonjolkan identiti mereka (Larson, 2002).

Chapman (2003) berpendapat penglibatan pelajar ialah kesediaan pelajar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti rutin di sekolah, samada penglibatan secara kognitif, tingkah laku dan petunjuk berkesan penglibatan pelajar dalam tugas pembelajaran tertentu. Berdasarkan teori penglibatan Astin (1984), penglibatan murid boleh diukur secara kuantitatif berdasarkan berapa jam pelajar menyertai dan menghadiri sebarang perjumpaan. Data kehadiran kokurikulum murid yang direkodkan oleh pihak sekolah digunakan untuk mengukur tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Penglibatan murid dalam kajian ini merujuk kepada tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti persatuan dan kelab, persatuan badan beruniform dan kelab sukan permainan yang diukur berdasarkan data kehadiran murid ke aktiviti kokurikulum.

1.8.4 Pencapaian Murid Dalam Bidang Kokurikulum

Pencapaian kokurikulum merujuk kepada tahap pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum yang disertai di sekolah yang dinilai dan diberi markah berdasarkan Buku Penilaian 10% Markah Kokurikulum yang telah dilaksanakan sejak tahun 2007 dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) yang mula diperkenalkan pada tahun 2012 oleh KPM. Penilaian pelajar dalam komponen kokurikulum dibuat berdasarkan kepada empat aspek iaitu kehadiran, jawatan, pencapaian dan penglibatan dalam persatuan / kelab, unit uniform dan kelab sukan. Markah tertinggi dua daripada tiga komponen kokurikulum ini akan dikira untuk mendapat markah purata atau Purata Gred Semasa (GPA).

PAJSK diperkenalkan menggantikan Penilaian 10% markah kokurikulum bertujuan memberi insentif galakan kepada murid dan agar mereka mendapat imbuhan yang setimpal dengan usaha mereka dalam aktiviti sukan dan kokurikulum. Dalam kajian ini, data Penilaian 10% markah kokurikulum dan PAJSK digunakan untuk mengukur tahap pencapaian kokurikulum murid.

1.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi kajian secara istilah dan operational tentang pengurusan kokurikulum dan prestasi murid dalam kokurikulum. Secara keseluruhannya, kajian ini cuba untuk melihat perkaitan antara fungsi yang dimainkan oleh pengetua dalam pengurusan kokurikulum di sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor dan hubungannya dengan prestasi kokurikulum murid. Dimensi prestasi kokurikulum murid diukur berdasarkan kepada penglibatan dan pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum. Bab seterusnya akan menerangkan tentang konsep fungsi pengetua dalam pengurusan kokurikulum, kerangka kerja konseptual dan pendapat-pendapat penyelidik lepas berkaitan fungsi pengetua dalam pengurusan kokurikulum dan prestasi kokurikulum murid.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Alim Abdul Rahim. (2004). *Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Abdullah Mohd Sani. (2014). Memahami Fungsi dan Pengurusan Organisasi. *Kursus Kepimpinan Siri 1/2014*. Genting Highlands: Penerbit Institut Aminuddin Baki.
- Abu Bakar Mohd Husain. (2007). Kedudukan Kokurikulum di Sekolah: Persepsi Guru Dan Pelajar. Kertas Projek. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd. Aziz dan Mohamad Zohir Ahmad. (2010). *Gaya-gaya Kepimpinan dalam Pendidikan*. Batu Caves: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmad Esa. (2005). *Perkasakan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors Sdn. Bhd.
- Adnan Riaz dan Mubarak Hussain. (2010). Role Of Transformational And Transactional Leadership On Job Satisfaction And Career Satisfaction. *Peer-reviewed & Open access journal*. 1(1):29-37
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2002). *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ang Huat Bin. (2015). *Principles of Management*. Shah Alam: Oxford-Fajar Sdn. Bhd.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Razavieh, A. (2002). *Introduction to Research in Education*. USA: Wadsworth/Thomson Learning.
- Astin, A. (1984). *Student Involvement: A Development Theory For Higher Education*. School Of Education. Los Angeles: University Of California.
- A. Tabrani, Rusyan. (1996). *Penerapan G. D. N. Dalam Proses Pembelajaran*. Jakarta, Kandaga Cipta Karya.
- Ayob Jantan. (2005). *Pengetua Sekolah Yang Efektif*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizah Nordin. (1990). Mengenal Pasti Masalah Dalam Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum di Tiga Buah Sekolah Menengah di Daerah Gombak. Kertas Projek. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Azizi Hj. Yahya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azlin Norhaini Mansor. (2006). *Amalan Pengurusan Pengetua Sekolah Menengah. Satu Kajian Kes*. Tesis Dr.Fal. Bangi: Universiti KebangsaanMalaysia.
- Azmi Abdul Rahman. dan Hamsiah Mohd Dahalan. (2000). *Pengetua Sebagai Pengurus Kokurikulum Sekolah. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan ke 9*. Genting Highland: Penerbitan IAB.
- Baharudin Hasan. (2005). *Kesediaan Guru Permulaan KPLI (M & R) Lepas IPBA Melaksanakan Aktiviti Ko-kurikulum (Gerko) di Sekolah. Prosiding Penyelidikan Pendidikan IPBA*, 121-129.
- Bass, B. & Riggio, R. (2006). *Transformational Leadership: Industrial, military, and educational impact (2nd ed.)*. Mahwah, New Jersey. Lawrence Erlbaum Associates.
- Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Md. Yusoff, Ramlee Mustapha & MohammedSani Ibrahim. (2010). *Analisis Kompentensi Pengetua BerdasarkanKualiti Peribadi, Pengetahuan, Kemahiran Dan Amalan Dalam Bidang Pengurusan Sekolah Menengah Di Malaysia. Journal Pendidikan Malaysia*. 35(2): 31-40
- Blomfield, C. & Barber, B. (2010). *Australian Adolescents' Extracurricular Activity Participation and Positive Development: Is the RelationshipMediated Peer Attributes? Australian Journal of Educational & Developmental Psychology*. 114-126.
- Burnham, J. W. (2010). *Mengurus Kualiti di Sekolah*.Terj. Tengku Abdul Aziz Tengku Zainal. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara Malaysia
- Broh, B. A. (2002). *Linking Extra Curricular Programme to Academic Achievement: Who Benefits and Why? [Electronic Version]*. *Sociology Of Education*..75: 70-86.
- Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum. (2009). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Cardenas, D. A. (2005). *Measurement of Involvement Factors in Leisure Studies Doctoral Programs*: Graduate Faculty of North Caroline State University.

- Certin, M., Karabay, M., & Efe, M. (2012). The effects of leadership style and the communication competency of bank managers on the employees' job satisfaction: The case of Turkish Bank. *Sosial and Behavioral Science Journal*.58: 227-233
- Certo, S.C. (2003). *Modern Management, 9th Ed.* New Jersey: Prentice Hall.
- Chapman, E. (2003). Alternative Approaches to Assessing Student Engagement Rates [Online]. *Practical Assessment, Research & Evaluation*, 8 (13). Retrieved April 2006, <http://PAREonline.net/getvn.asp?v=8&n=13> [12 May 2015]
- Chow, C. & Wong, N.Y. (2000). *Specification of Education Output and Power:Perspective From The Imbalance of 'Stakes' on Extra-curricular Activities.* Hong Kong: The Chinese University of Hong Kong.
- Chuah Hong Ngee. (2015). Tahap Pengurusan Kokurikulum Dan Pencapaian Kokurikulum Murid Di Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Tesis Sarjana. Universiti Perguruan Sultan Idris
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan (Buku Dua).* Serdang: Mc Graw Hill Education.
- Coakes, S. J., & Steed, L. G. (2003). *SPSS Analysis without Anguish, Version 11.0 for Windows.* Milton: Wiley.
- Cohen, J. (1960). A Coefficient of Nominal Scales. *Educational and Psychological Measurement*. 20:37-44
- Crocco, O., & Wakeman, E. (2014) . Learning and Living Together in Higher Education: How Co-Curricular Efforts Enhance Curriculum Education and Foster Thriving Community. *16th Unesco- APEID International Conference.*
- Crowder P. L. (2010). The Influence of the Outdoor Learning Environment on Students Engagement. Dissertation Doctoral of Educational Leadership.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research.* Ed. Ke-2. New Jersey: Pearson.
- Darling, N., Caldwell, L., & Smith, R. (2005). Participation In School-Based Extracurricular Activities And Adolescent Adjustment [versi elektronik]. *Journal Of Leisure*, 37,51-77.

- Data Penglibatan Kokurikulum 2015. Unit Kokurikulum , Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (2016).
- Data Markah Kokurikulum 10% Tahun 2014. Unit Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (2015).
- De Vaus, D. A. (1985). *Survey in Sosial Research. Vol 11.* Allen and Unwin.
- Fadzilawati Mustaffa dan Mohd Sofian Omar Fauzee. (2003). *Kepentingan dan Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah.* Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Faudzi Saad. (2008). Persepsi Pelajar Terhadap Pengetua Dalam Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah. Kertas Projek Sarjana. Universiti Malaya.
- Fayol, Henri. (1949). *General and Industrial Management.* Edisi 2013. London: Pitman
- Fidler, B. (2002). *Strategic Management for School Development.* London: Paul Chapman Publishing.
- Frankel, J. R. & Wallen, N. E (1996). *How to Design and Evaluate Research.* England: Mc. Graw-Hill Inc.
- Fredericks, J. A. (2012). School Engagement: Potential of the Concept, State of the Evidence. *Review of Educational Research.* 80: 67-89
- Fujita, K. (2006). The Effects of Extracurricular Activities on the Academic Performance of Junior High Students. *Undergraduate Research Journal for the Human Sciences* 5, (atas talian) www.kon.org/urc/v5/fujita.html on 25th may 2015.
- Ghazali Darulsalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Gergen, K. J.(1999). *An Invitation to Social Construction and Pedagogical.* [versi elektronik] www.swarthmore.edu.my (25 Mac 2015)
- Gilliam, J., Adam, D. Z., Werner, J., Reivich, K. & Coulter-Handl, V. (2011). Character strength predict subjective well-being during adolescence. *The Journal of Positive Psychology.* 6 (1): 31-44

- Gordon, B. (1990). The Necessity of African-American Epistemology in Educational Theory and Practice. *Journal of Education. Special Issue. 3* (172): 88-106
- Greenfield, W. D. (1992). Towards Measurement of School Vision. *Journal of Educational Administration. 30* (2): 201-211
- Griffin, R. W. (1993). *Management. 4th ed* . Boston: Houghton Mifflin Company.
- Guest, A. & Schneider, B. 2003. Adolescents' Extracurricular participation in context: The mediating effects of schools, communities and identity. [versi elektronik]. *Sociology of Education, 72*: 89-104
- Haliza Halid. (2006). Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran serta Kokurikulum: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Jalil, Hulu Langat. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hallinger, P., & Murphy, J. F. (1986). The Social Context of Effective Schools. *American Journal of Education, 94*:328-345.
- Hallinger, P. (2008). "Methodologies for Studying School Leadership: A Review of 25 Years Of Research Using the Principal Instructional Management Rating Scale". *Annual Meeting of the American Educational Research Association, New York, April*.
- Hamdan Mohd Ali. (2004). Pola Corak Bersukan dan Masalah Pembangunan Sukan di Sekolah: Kesan Dasar Pecah Perintah Penjajah British. *Jurnal Pendidikan 29*: 3-17
- Hanishah Mohd. (2006). Pengupayaan kepimpinan pengetua dan penglibatan guru dalam aktiviti kokurikulum. Kertas Projek Sarjana. Universiti Malaya.
- Hendriks, N. & Steen, L. (2012). An e-learning collaborate environment: Learning within a masters in Education Program. A Project Paper. South Africa: University of the Western Cape.
- Hoyle, R., & Leff, S. (1997). The Role of Parental Involvement in Youth Sports Participation and Performance. *Adolescence, 32*, 233-243.
- Hussein Mahmod. (2004). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ibrahim Ahmad Bajunid. (1995). Vision 2020: Malaysian's Educational Values. *Sage Journal*. 9 (5): 9-10
- Ibrahim Mamat. (1993). *Kepimpinan Sekolah: Teori Untuk Praktis*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Iskandar Fadzil. (2014). Hubungan Gaya Kepimpinan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Dengan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Ibrahim. (2007). Amalan Pengurusan Kokurikulum di Kalangan Guru-Guru di Salah Sebuah Sekolah Menengah di Daerah Baling, Kedah. Kertas Projek Sarjana. Universiti Malaya.
- Jaafar Muhamad. (1988). *Asas Pengurusan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jaggil Apak. (2010). Sikap Guru Terhadap Aktiviti Kokurikulum dan Hubungannya dengan Amalan Pengurusan Kokurikulum dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah. Tesis Master. Universiti Malaysia Sabah.
- Jacobson S. (2011). Leadership Effects on Student Achievement and Sustained Sustained School Success. *International Journal of Education Management*, 25(1): 33-40
- Jodi, B. D., Reed, L., & David, H. (2003). Adolescents' Accounts of Growth Experiences in Youth Activities. *Journal of Youth and Adolescence*. 32(1): 17-25.
- Johnson, B. & Christensen, L. (2008). *Educational Research: Quantitative, Qualitative, and Mixed Approaches*. [versi elektronik]
- Kahne, J., Nagaoka, J., Brown, A., O'Brien, J., Quinn, T., & Thiede, K. (2001). Assessing After School-Programs as Context for Youth Development. *Youth and Society Journal*. 32(4), 421-443
- Katz, D. & Kahn, R. L. (1978). *The Social Psychology of Organization*. Ed. Ke-4. New York: John Wiley & Sons.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1981). *Laporan Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2000). *Dokumen Undang-undang, Tatacara dan Kaedah Pelaksanaan Kokurikulum Di Sekolah-sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1989). *"Buku Panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah"*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia (1971-2010)*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025)*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). *Buku Panduan Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). *Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum Sekolah Rendah dan Menengah*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). *Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum* Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Kajian Mengenai Keberkesanan Kokurikulum di Sekolah*. Kuala Lumpur: Bahagian Naziran.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1993). *Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Bahagian Naziran.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1997). Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). Laporan Tinjauan Minat dalam Kegiatan Kokurikulum. Kuala Lumpur: Bahagian Kokurikulum dan Kesenian.
- Keyton, J. (2011). *Communication and Organizational Culture: A Key to Understanding Work Experience*. Thousand Oaks, California: Sage.
- Khasawneh Mohamad & Huda Ibrahim. (2012). A Model for Jordanian High Education Institution. *Journal of e-learning & Higher Education*. 2 (12): 1-10

- Kimborough, W. M. (1990). Black issues in higher education: "Are You Paper?" Melbourne: *Question Media Inc.* (versi elektronik) 01 Oktober 2015.
- Konvensyen PIPP Kedua. (2008). *Memperkasakan Sekolah Kebangsaan: Isu dan Cabaran*. Dicapai pada 01 October 2015.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* (30),607-610.
- Kruger, Meta L., Witziers, Bob, & Slegers, Peter. (2007). School Effectiveness and School Improvement. *Educational Journal*. vol 18: n1 p1-18
- Kuh, G.D., Schuh, J.S., Whitt, E.G., & Associates (1991). *Involving Colleges: Approaches to Fostering Learning and Personal Development Outside The Classroom*. San Francisco: Jossey Bass.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet. (1979). *Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Larson, R.W. (2002). Towards a Psychology of Positive Youth Development. *American Psychologist*, 55,170-182.
- Leithwood, K., & Jantzi, D. (1999). The Relative Effects of Principal and Teacher Sources of Leadership on Student Engagement with School. *Educational Administration Quarterly*, 35:680-704.
- Lim Eng Hooi. (2002). Goal orientation and motives for participation of teacher coaches of track and field in Kuching, Samarahan, Sarawak. Tesis Sarjana Sains. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Lunenburg, F. C. & Ornstein, A. C. (2012). *Educational Administration: Concept and Practices*. 6th Ed. [versi elektronik] books.google.com.my (21 Januari 2016)
- Mahamad Amran Kamsi. (2014). *Melindungi Masa Instruksional dalam Kegiatan Kokurikulum di Sekolah: Isu dan Cadangan Penyelesaian*. Bahagian Kokurikulum dan Kesenian. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Mahoney, J., & Cairns, R. (1997). Do Extracurricular activity protect against early school dropout? *Developmental Psychology*, 33, 241-253.

- Malinjah Mahshar. (2007). Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya dengan Penyertaan Pelajar Sekolah Menengah di Kota Kinabalu. Disertasi Sarjana Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah.
- Marjohan Jamalis & Mohd Sofian Omar Fauze. (2007). Developing Human Value Through Extra Curricular Activities. *The Journal of Human Resources and Adult Learning* 3 (1): 219-229.
- Marsh, H., & Kleitman, S. (2002). Extracurricular School Activities: The Good, The Bad And The Non Linear. *Harvard Educational Review*, 72(4),464-511
- Melati Yaacob & Hairul Nurasyikin Harun. (2013). The Effectiveness of Administration and Co-Curriculum in Sports to the Involvement of Students in Vocational College in Malaysia. *International Journal of Science and Research*. 2(11): 264-269
- Mintzberg, Henry. (1990). The Design School: Reconsidering the Basic Premises of Strategic Management. *Strategic Management Journal*. Vol 11: 171-192.
- Mintzberg, Henry. (1973). *The Nature of Managerial Work*. New York: Harper & Row
- Mohamad Najib Abdul Ghafar dan Jamaliah Jalaludin. (2010). Komitmen Guru-Guru Terhadap Pengurusan Kokurikulum di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Negeri Johor. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Pp. 1-11. (tidak diterbitkan) http://eprints.utm.my/11902/1/Komitmen_Guru.pdf [10 Oktober 2015]
- Mohamed Asri Abu Hanifah. (2010). Amalan Kepimpinan Pengetua dalam Pengurusan Kegiatan Kokurikulum Di Sekolah Menengah Felda Negeri Sembilan. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Pendidikan , Universiti Malaya.
- Mohanaraju Annamalai. (2012). Penglibatan dalam Bidang Kokurikulum Sekolah dan Implikasi Terhadap Kemahiran Insaniah Pelajar. Disertasi Sarjana Pengurusan Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Anuar dan Nor Azah. (2011). Pengetua Sebagai Pengurus Kokurikulum di Sekolah Menengah Daerah Mersing. *Journal of Educational Management*, 1:14-30
- Mohd Fauzi Hashim. (2011). Peranan dan Komitmen Pengetua dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Temerloh di Negeri Pahang. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

- Mohd Fazli Hasan. (2013). Hubungan antara Amalan Kepimpinan Guru Penolong Kanan Kokurikulum, Persekitaran Sekolah dan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Fuad Razali. (2008). Sikap Guru Turut Jejaskan Kegiatan Kokurikulum. *Majalah Pendidikan*. Vol. 44: 54-55.
- Mohd Izham Mohamad Hamzah, & Sufean Hussein. (2009). *Pengurusan Perubahan Terancang dalam Pembestarian Sekolah: Proses Pelaksanaan Polisi*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Izham Mohamad Hamzah, & Norziana Ayob. (2014). Peranan pengetua dalam pengurusan kokurikulum dari perspektif guru sekolah menengah kebangsaan Zon Keramat. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izham Mohamad Hamzah, & Norziana Ayob. 2015. Peranan pengetua dalam pengurusan kokurikulum dari perspektif guru sekolah menengah kebangsaan Zon Keramat. *Journal Pendidikan Malaysia*, 40(2): 129-138
- Mohd Jaflus Bahari. (2008). Faktor-Faktor yang Menghalang Penglibatan Pelajar dalam Kegiatan Kokurikulum Sukan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seremban. Tesis Sarjana. Maktab Perguruan Islam, Bangi.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2007). *Intervensi Pembangunan Organisasi Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nor Jaafar & Kung Teik Seng. (2011). Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya dengan Tahap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum. Tesis Sarjana. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar. (2000). *Pentadbiran Pendidikan dan Pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya: Longman Sdn. Bhd.
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof, & Borhan Yusof. (2002). *Kokurikulum: Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur: Sanon Printing.
- Mukhtar Mansor. (2008). Peranan Pengetua sebagai Pemimpin Kokurikulum di Sekolah. Kertas Projek Sarjana. Universiti Malaya.

- Mulford , B. & Silins, H. (2003). Leadership for Organisational Learning and Improved Students Outcomes.- What Do We Know? *Cambridge Journal of Education* 33(2) 175-191
- Muraina M. B. (2014). Principal Managerial Skills and Administrative Effectiveness in Secondary Schools in Nigeria. *Journal of Bussiness and Administration*.54: 128-131
- Newman, S. A., Fox, J. A., Flynn, E. A. & Cristen, W. (2000). Americas after-School Choice.The Prime Time for Juvenile Crime, or Youth Enrichment.Washington, DC. Fightcrime: Invest in Kids (atas talian) [Http://www.fightcrime.org/reports/as2000](http://www.fightcrime.org/reports/as2000). (10 Jun 2015).
- Nik Zaidi Ismail. (2011). Peranan Pengetua dalam Pengurusan Kokurikulum di Sebuah Sekolah Menengah Harian Biasa Luar Bandar Daerah Lipis, Pahang. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Pendidikan , Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Habibah Kaderan. (2016). Peranan Pengetua Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Menengah Di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nor Hisham Hashim. (2012). Amalan Pengurusan Pentadbiran Kokurikulum Dalam Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Taiping. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norie Keegan Usin. (2009). Hubungan Sistem Pengurusan Kokurikulum dengan Pengurusan Kokurikulum dalam Kalangan Guru di Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Lawas Sarawak. Disertasi Sarjana Pendidikan. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial. Universiti Malaysia Sabah.
- Norman Sani. (2006). Hubungan Pengurusan dan Pelaksanaan Kokurikulum (Sukan) dengan Pencapaian Atlit dengan Sekolah dalam Sukan. Disertasi Sarjana Pendidikan. Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial. Uni. Malaysia Sabah.
- Nor Suhara Fadzil. (2010). Kepentingan Kokurikulum dalam Pendidikan di Sekolah Menengah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Odogwu, H., Adeyamo, S. A., Jimoh, J. A., Yewonde, R. O. (2011). Science, Mathematics and Technology Teacher's Perception of School Environment: Gender Differences. *Multicultural Education & Technology Journal* 5(4): 274-287.

- Olaleye Florence Oluremi (2013). Principal's Organizational Management And Students' Achievement In Secondary Schools in Ekiti State, Nigeria. *Singaporean Journal of Business Economics and Managements Studies*:2(2): 76-82
- Olibie E. I. (2012). *Curriculum Planning in Secondary School: Principals' Practices and Challenges in an Era of Knowledge and Learning Management*. Department of Educational Foundations. Anambra State Nigeria: Nnamdi Azikiwe University.
- Ooi Siew Kuan. (2005). Peranan, Amalan dan Masalah Guru dalam Pengurusan dan Pelaksanaan Kokurikulum di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Ipoh. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Omardin Ashaari. (1999). *Pengurusan Sekolah: Satu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur. Utusan Publication and Distribution Sdn. Bhd.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual: A Step By Step Guide To Data Analysis using SPSS*. Australia: Allen & Unwin.
- Pace, C. R. (1984). *Measuring the Quality of College Students Experience*. Los Angeles: University of California Center of Study of Evaluation.
- Pascarella, E. T., & Terenzinni, P.T. (2005). *How College Affects Students: A Third Decade of Research*. San Francisco: Jossey Bass.
- Peguero A. A. (2011). Immigrant Youth Involvement in School-based Extracurricular Activities. *The Journal of Educational Research*. 9(1): 60-69
- P. U. (A) 196/98, Warta Kerajaan Jil. 42/No. 11 (Tamb. No. 41). 1998.
- Ramlan Abdul Wahab. (2008). *Panduan Pengurusan Kokurikulum Sekolah Edisi Semakan*. Klang: Er-Nur Sdn. Bhd.
- Raja Norashekin Raja Othman. (2013). A Conceptual Foundation And Methodological Framework. *Procedia- Social and Behavioral Sciences*. 85:474-482.
- Reeves, D. B. (2008). The Extracurricular Advantage. *Educational Leadership*. 66(1): 86
- Reeves, W. D., Hinson A., Roger & Marchant A. M. (2010). Benefits And Costs of Faculty Participation in Extra and Co-curricular Activities. *NACTA Journal*. 54:59.

- Restines, N. L. (1997). Experience, Meaning, and Principal Development. *Journal of Educational Administration*. 35 (3): 253-256.
- Robbins, S. P. (2003). *Organizational Behaviour*. 10th ed. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Robiah Sidin. (2003). *Teori Pentadbiran Pendidikan: Satu Pengenalan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ross, D.(2006). Leadership Style of Secondary School Principals as Perceived by Secondary School Teachers. Disertasi Ed. D. Florida Atlantic University.
- Royse, D. (2004). *Research Methods in Social Work*. 4th ed. California: Pacific Grove.
- Ruhaiza Rusmin. (2007). Kokurikulum Bendung Gejala Sosial. Kuala Lumpur: New Straits Times Press (M) Bhd. (atas talian) . 28 Jun 2016
- Saifuddin Abdullah. (2006). Kokurikulum Pelengkap Akademik, Keseimbangan Dalam Sistem Pendidikan Mampu Lahirkan Insan Cemerlang. http://www.saifuddinabdullah.com.my/k_bharian/2006 [21 Disember 2015]
- Sharifah Meriam Syed Akil. (2007). *Cabaran Kepimpinan Kokurikulum*. Shah Alam: Universiti Industri Selangor
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Hajar Ismail. (2000). Satu Kajian Mengenai Hubungan Pengurusan dan Pencapaian Kokurikulum. Kertas Projek Sarjana. Universiti Utara Malaysia.
- Stoner, J. A. F., Freeman, R. E., & Gilbert Jr., D. R. (1995). *Management*. 6th Ed. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Stoner, A. F., & Wankel, C. (1996). *Pengurusan* Ed. ke-8. Terjemahan Yaakob Ibrahim. Petaling Jaya. Amiza Publishing Sdn. Bhd.
- Sufean Hussin. (2004). *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Tan Yee Shuang. (2004). Penguasaan Kemahiran Pengurusan Kokurikulum oleh Guru-Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan. Satu Tinjauan di 3 Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kulai, Johor. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Taylor, W. (1984). *Metaphor of Education*. London: Heineman.

- Terry, A. (1999). Critical Inquiry in a Text-based Environment: Computer conferencing in higher education. *The Internet and Higher Education Journal*. 2(2): 87-104.
- Tu'u, Tulus. (2004). *Peran Disiplin Pada Perilaku dan Prestasi Belajar*. Jakarta: Gramedia Bumi Aksara.
- Ubben, G. C. & Hughes, L. W. (1992). *The Principal: Creative Leadership for Effective Schools*. 2nd Ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Valentine W. J. & Mike Prater M. (2011). Instructional Transformational, and Managerial Leadership and Student Achievement: High School Principals Make a Difference. *NASSP Bulletin*. 95(1): 5-29
- Vernon Township High School. (2002). Co-curricular Activities and Schools. *New Jersey Herald*. (atas talian) www.vtsd.com/page.cfm?p=4273 (17 Januari 2016)
- Walker, V. N. (2003). *Office of Co-curricular Life: Sweet Briar: Sweet Briar College* (atas talian) <http://sbc.edu/cocurricular/about/> (25 Mac 2015)
- Wan Azmi Ramli. (1985). *Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Wangai, Micheal, M. (2012). Determinants of the Development Of Students' Talents in Co-Curricular Activities In Secondary Schools in Mwatate District, Kenya (atas talian) <http://erepository.uonbi.ac.ke:8080/xmlui/handle/123456789/7117>
- Wan Zahid Mohd Nordin.(1993). *Wawasan Pendidikan. Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wasal Khan & Mohammad Iqbal. (2012). School Excellence: Principals' perceptions. *Journal of Education & Practice*.3(13): 119-122
- Waters Timothy, Manzano Robert J., & Mc Nulty, B. (2006). School Leadership that Works: The Effect of Superintendent Leadership on Students' Achievement. *Journal of Educational Administration*. 47(2): 146-155
- Wee Eng Hoe. (1996). *Gerak Kerja Kokurikulum (Sukan)*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Winkel S.J. (1984). *Psikologi Pendidikan dan Evaluasi Belajar*. Jakarta: P. T. Gamelan.

- Wong Huey Ling. (2007). Tahap Penglibatan Pelajar di Sekolah Menengah dalam Aktiviti Kokurikulum dan Hubungannya dengan Pembentukan Daya Kepimpinan. Tesis Master. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wong Mei Ling. (2007). Keberkesanan Guru dalam Pelaksanaan Kokurikulum di Sekolah Menengah Berasrama Bahagian Sarikei: Satu Tinjauan. Kertas Projek Sarjana. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Xin Jiang & Peterson R. D. (2012). Beyond Participation: The Association Between School Extracurricular Activities and Involvement in Violence Across Generations of Immigration. *Journal Youth Adolescence*, 41:362-374
- Yasmin Hj. Othman. 2009. Pengurusan Kokurikulum oleh Penolong Kanan Kokurikulum di Daerah Petaling. Kertas Projek Sarjana. Universiti Malaya.
- Yau Shing-Tung. (2006). Perspective on Geometric Analysis (atas talian). [http:// arXiv.org>math>rXiv.math 10602362](http://arXiv.org/math/rXiv.math.10602362)
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Amir Sadeghi. (2012). Transformational Leadership and Its Predictive Effects on Leadership effectiveness. *International Journal of Business and Social Science*, 3(7):186-197
- Zakiah Ahmad. 2005. Kepimpinan Pengetua dalam Pelaksanaan Kokurikulum di Sebuah Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Kertas Projek yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

FUNGSI PENGETUA DALAM PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA
DENGAN PRESTASI KOKURIKULUM MURID DI SEKOLAH MENENGAH

NAMA PELAJAR : AIDAH BINTI ABDULLAH

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]